

18 JAN 2003

Mahathir-Lawatan/I/Embargo (jam 0001/19 Jan)

PERDANA MENTERI ADAKAN LAWATAN KE LEBANON DAN MESIR

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan perbincangan peringkat tinggi dengan para pemimpin Lebanon dan Mesir semasa lawatannya ke kedua-dua negara itu dari 20 hingga 23 Jan.

Perdana Menteri akan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan rombongan terdiri daripada menteri-menteri kabinet, ketua menteri, para pegawai kanan kerajaan dan mufti.

Wisma Putra dalam satu kenyataan di sini berkata semasa lawatannya ke Lebanon dari 20 hingga 21 Jan, Perdana Menteri akan mengunjungi rakan sejawatannya Rafic Hariri di Beirut untuk bertukar-tukar pendapat mengenai isu kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa.

Kedua-dua perdana menteri dijangka akan menyaksikan penandatanganan dokumen kerjasama dalam pelbagai bidang selepas pertemuan itu.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan kepada anggota parlimen Lebanon, golongan kenamaan negara dan para pemimpin korporat pada satu majlis jamuan tengah hari yang dihoskan Hariri. Kumpulan terkemuka dari sektor swasta Malaysia juga akan turut hadir.

Beliau juga akan Presiden Emile Lahoud dan kemudian menghadiri jamuan malam meraikan beliau oleh presiden itu selain melawat Beirut dan sekitar bandar raya itu untuk meninjau kemajuan prosos pembinaan semula.

Di ibu negara Mesir, Kaherah, Dr Mahathir dijadual mengunjungi Presiden Hosni Mubarak dan Perdana Menteri Dr Atef Muhammad Muhammad Ebeid.

Para pemimpin itu dijangka bertukar-tukar pandangan mengenai isu kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa antara Kuala Lumpur dan Kaherah serta membincangkan cabaran global.

Perbincangan mereka juga akan menyentuh mengenai persiapan Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) pada 20 hingga 25 Feb dan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam pada 16 hingga 18 Okt, kedua-duanya akan diadakan di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir juga akan menemui Syeikhul Al-Azhar, Dr Mohamed Sayed Tantawi dan menyampaikan ceramah umum kepada para penuntut antarabangsa, cendekiawan dan ahli akademik di Universiti Al-Azhar semasa kunjungannya ke Mesir dari 21 hingga 23 Jan.

Tajuk ceramahnya ialah "Perpaduan Islam Dalam Menghadapi Cabaran dan Ancaman."

-- BERNAMA

MAM MAM JK RON